

27 NOV 1997

Parlimen-Asean

KERJASAMA ERAT DALAM ASEAN TIDAK MEMBOLEHKAN ANGGOTA MEMENCIL DIRI

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Kerjasama erat dalam Asean tidak membenarkan mana-mana negara berkenaan memencilkan diri atau mengelak diri daripada mencampuri masalah negara-negara anggota lain kumpulan itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kerana keakraban itulah, kesembilan negara dalam kumpulan itu mengamalkan konsep hubungan membina walaupun dasar tidak campurtangan dalam hal ehwal dalaman negara lain masih terpakai, katanya.

Semasa menjawab soalan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata dasar yang sama juga terpakai antara Asean dan Myanmar kerana negara itu telah menjadi anggota Asean.

Mengenai kemajuan yang telah dicapai Myanmar dalam mewujudkan negara demokrasi sejak kemasukannya dalam Asean empat bulan lepas, Abdullah berkata Asean telah dimaklumkan bahawa usaha-usaha ke arah penyelesaian konflik di negara berkenaan masih berjalan dan Asean menganggap proses itu sebagai amat penting.

Katanya walaupun Asean mengamalkan dasar tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara lain, ia telah diberi peranan utama untuk mencari penyelesaian kepada konflik di negara itu.

Sebelum itu, Timbalan Speaker Ong Tee Kiat menolak soalan tambahan yang dikemukakan Datuk Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) yang ingin tahu perkembangan usul yang hendak dibawa anggota kongres Amerika Syarikat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, atas alasan ia terkeluar jauh daripada soalan asal.

Semasa menjawab soalan tambahan Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong), Abdullah berkata Malaysia tidak perlu mengamalkan konsep hubungan membina dengan Amerika Syarikat kerana perhubungan antara kedua-duanya adalah perhubungan biasa.

Menurutnya walaupun bidang kerjasama dua hala antara kedua-dua negara berjalan dengan baik dan saling menguntungkan, sebagai negara bebas dan berdaulat, Malaysia bebas menyatakan pendapatnya mengenai apa juga perkara termasuk soal Akta Sekatan Iran-Libya 1996.

(Akta itu bertujuan mengenakan sekatan terhadap syarikat yang melabur lebih daripada US\$20 juta di negara-negara berkenaan).

"Dalam menyatakan pandangan kita itu, kita tidak perlu merayu-rayu kerana undang-undang itu memang tidak terpakai di negara ini," katanya. --

BERNAMA

RA RON